

JPS UPDATES

Tahniah JPS



Tahniah JPS di atas kemenangan Anugerah Inovasi 1 NRE sempena Sambutan Hari Inovasi 1NRE 2016

M/S 2

Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Marrakesh, Marocco

M/S 4

Mesyuarat Programme Capacity Building:
Certified Professional in Erosion and
Sediment Control (CPESC)

M/S 7

Annual National Forum on Water Security
(MyCDNET)

M/S 8 - 9

SUDUT MAKLUMAT

M/S 10

Tahniah JPS! di atas Kemenangan Anugerah Inovasi 1NRE pada Sambutan Hari Inovasi 1NRE 2016

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 9 November 2016 yang lalu, Sambutan Hari Inovasi 1NRE telah diadakan di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli dan Alam Sekitar, bersempena dengan Majlis Perhimpunan Bulanan NRE. Pada majlis sambutan itu, penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Inovasi INRE telah disampaikan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Tahniah diucapkan kepada Kumpulan JUGRA dari JPS Negeri Selangor di atas kemenangan mendapat JUARA bagi Anugerah Inovasi 1NRE. Tahniah juga diucapkan kepada Kumpulan Green Star dari JPS Negeri Kedah yang telah mendapat NAIB JUARA bagi Anugerah KIK Terbaik Teknikal.



Sambutan Hari Inovasi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia Tahun 2016

Oleh: Bahagian Korporat & Bahagian Audit Prestasi

Bertempat di dewan Auditorium JPS Ampang, Majlis Sambutan Hari Inovasi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah diadakan dengan meriah dan gemilangnya pada 17 November 2016. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Majlis ini juga turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, YBhg. Dato' Sri Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia,

Pengurusan Atasan JPS Malaysia dan warga JPS. Pelbagai kategori Anugerah Inovasi telah disampaikan pada majlis ini bagi menghargai sumbangan dan cetusan idea dan kreativiti warga JPS. Tahniah diucapkan kepada pemenang.



CORET-CORET HARI INOVASI



Berikut adalah keputusan rasmi sepanjang Majlis Hari Inovasi JPS Malaysia diadakan:

BIL	ANUGERAH/PERTANDINGAN	RANKING	PEMENANG
1	Anugerah Peneraju Pembudayaan Inovasi (Bahagian) 2016	1	BPME
	Anugerah Peneraju Pembudayaan Inovasi (Negeri) 2016	1	MAKSAK JPS KEDAH
		Pertama	JPS SELANGOR
2	Penarafan Indeks Akauntibiliti Pengurusan Kewangan 2015	Kedua	KELAB SUKAN DAN SOSIAL JPS NEGERI SEMBILAN
		Ketiga	IPMI TIMUR
3	Anugerah Khas Inovasi	1	Ir. NG KOK SENG
	Anugerah Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2015 - BAHAGIAN	Pertama	BAHAGIAN KORPORAT
4		Kedua	BAHAGIAN AUDIT PRESTASI
		Ketiga	BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR
	Amalan Persekitaran Berkualiti 5S - Negeri	Saguhati	KELAB SUKAN DAN SOSIAL JPS NEGERI SEMBILAN
		Saguhati	JPS WP LABUAN
	Cetusan Idea Inovatif (Bahagian)	Pertama	WAN MARHAIDZ SHAH BIN WAN MOHD OMAR, BPB
5		Kedua	Ir. DR. HJ. AHMAD ANUAR BIN OTHMAN, BSMA
		Ketiga	NOR AZMAWANI BINTI AB. RAHMAN, BKP
	Cetusan Idea Inovatif (Negeri)	Pertama	HARIS BIN KHALID, JPS KELANTAN
		Kedua	SALAHUDDIN BIN ALI, JPS TERENGGANU
		Ketiga	MOHAMAD NOR HAFIZ BIN NOOR AZMI, JPS PERLIS
6	KIK	Pertama	MEGA, JPS SELANGOR
		Kedua	OMBAK,JPS N.SEMBILAN
		Ketiga	INSPIRASI, JPS MELAKA
		Keempat	RIVER CORD, JPS WPKL
		Kelima	WATER,JPS PULAU PINANG
		Saguhati	MIDIVO ,IWAN BIN HALMI
		Saguhati	FAST-T,KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JPS HILIR PERAK
		Saguhati	BENTENG,KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JPS BATU PAHAT
7	JPS Goes Green	Pertama	KELAB SUKAN DAN HIBURAN JPS SABAH
		Kedua	KELAB SUKAN JPT L/MATANG TAIPING
		Ketiga	KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JPS KUALA SELANGOR
		Saguhati	JPS PULAU PINANG
		Saguhati	KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JPS BATU PAHAT
8	Manual Penyeragaman	1	G-SPANAR, JPS KEDAH
		1	SMART TRASH SCREEN, JPS SELANGOR
		1	EASY COUPLE, BPME
9	Pameran Terbaik	1	FAST-T, KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JPS HILIR PERAK



Persidangan Asian Ministerial Conferences on Disaster Risk Reduction

Oleh: Bahagian Korporat

Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBhg. Dato' Sri Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan telah menghadiri persidangan *Asian Ministerial Conferences on Disaster Risk Reduction* yang dianjurkan oleh Kerajaan India di Vigyan Bhawan, New Delhi, India pada 3 hingga 5 November 2016. Persidangan ini bertujuan untuk mencapai hasil kerja *Sendai Framework* untuk mengurangi risiko bencana 2015 - 2030 bagi agenda pembangunan pasca 2015.



Persidangan Ke 22 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu "UNFCCC COP22"

Oleh: Bahagian Korporat

Konvensyen ini telah dilaksanakan selama dua minggu dari 7hb November hingga 18hb November 2016 dan dihadiri oleh delegasi-delegasi daripada 190 buah Negara.

Malaysia telah menyertai konvensyen ini yang dinamakan sebagai 'Malaysia Pavilion' yang dirasmikan oleh YB Menteri NRE, YB Dato Sri Dr.Hj. Wan Junaidi Tuanku Jaafar pada 14 November 2016. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia dan Tuan Ir. Hj. Nishad Mohamed bin Hj C.J. Mohd Shaffy, Pengarah JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Majlis perasmian ini turut dimeriahkan dengan tarian orang asli yang menjadi tarikan utama kepada delegasi-delegasi yang menghadiri program perasmian tersebut.

Dalam konvensyen ini, JPS Malaysia telah membentangkan 'Flood Mitigation in Malaysia' kepada delegasi-delegasi yang menghadiri program Malaysia Pavilion yang menerangkan kaedah mitigasi banjir di Malaysia termasuk jaminan air dan pengurusan sumber air di Malaysia. Program pembentangan ini telah diadakan pada 10hb November 2016.



International Conference: Asia Pacific Policy Dialogue on Water, Energy and Food Security for Poverty Alleviation in Dry Land Regions

Oleh: Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi

Pada 23 hingga 25 November 2016, bertempat di Rawalpindi, Pakistan, YBrs. Dr. Asnor Muizan bin Dato' Hj. Ishak dari JPS Malaysia dan YBhg. Dato' Dr. Hasrul Sani, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia telah mewakili negara bersama 100 orang lagi wakil-wakil negara lain bagi menghadiri persidangan antarabangsa iaitu *Asia Pacific Policy Dialogue on Water, Energy and Food Security for Poverty Alleviation in Dryland Regions*.

Persidangan ini bertujuan untuk memberi maklumbalas berkaitan program Sumber Air di Malaysia dan beberapa isu semasa yang berkaitan serta membentangkan kertas kerja bertajuk "Water Security and IWRM Approaches". Program antarabangsa ini sangat penting kerana ia memberi input isu-isu berkaitan air yang dihadapi Malaysia dan membawa pulang hasil perbincangan tentang kaedah dan penyelesaian berdasarkan pengalaman serta praktis yang dilaksanakan di negara-negara lain.




Majlis Perasmian Forum "Malaysia Water Resources"

Oleh: Bahagian Korporat

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dengan kerjasama Malaysian Water Partnership (MyWP) telah menganjurkan satu Forum Malaysia Water Resources Management (MyWRM) tahun 2016 pada 29 hingga 30 November 2016 bertempat di Auditorium JPS Malaysia, Cawangan Ampang, Kuala Lumpur. Forum ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Objektif utama Forum MyWRM ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan penyebaran maklumat yang lebih berkesan dan jelas terhadap prinsip atau dasar pengurusan sumber air negara yang manpan (Sustainable Management Of The Country's Water Resources).



Kursus *The Magic in You* 2016

Oleh: Bahagian Pembangunan Modal Insan

Kursus "The Magic In You" telah dilaksanakan selama 3 hari bermula pada 7-9 November 2016 di Selangor Human Resources Development Centre, Shah Alam, Selangor anjuran Institut Pembangunan Modal Insan (IPMI Zon Tengah) dengan kerjasama Lighthouse Consulting Sdn Bhd.

Kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan dengan 'Training for Trainers' sebagai penceramah/ pengajar di Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia selain untuk menggilap kebolehan dan kemahiran komunikasi dalam sistem penyampaian khususnya kepada tenaga pengajar atau penceramah di Jabatan.



Seramai 18 orang pegawai JPS yang majoritinya bertugas sebagai tenaga pengajar kursus termasuklah Puan Hjh. Paridah Anun binti Tahir, Pengarah BPMI telah menghadiri dan mengikuti kursus ini. Penganjuran kursus ini telah membuktikan bahawa peluang dan ruang yang tersedia ini dapat meningkatkan mutu kompetensi dari segi pembangunan ilmu komunikasi dikalangan peserta yang terlibat.

BENGKEL SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) JPS

Pada 9-10 November 2016, bertempat di Pejabat Lembangan Sungai Klang telah diadakan bengkel bagi pewujudan Sistem pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Menjelang Januari 2017, perkhidmatan JPS Careline akan ditamatkan sepenuhnya dan dengan kerjasama bersama pihak Biro Pengaduan Awam (BPA), Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) JPS akan dibangunkan selaku saluran alternatif bagi pengurusan aduan JPS yang baru. Justeru, satu bengkel telah dianjurkan bagi membincangkan secara terperinci akan cadangan bagi kategori aduan yang akan disenaraikan ke dalam sistem yang akan dibangunkan kelak.



Sesi latihan Pengurusan *Knowledge Management System* (KMS) dan Sistem Bank Data

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 14 hingga 15 November 2016, satu bengkel Latihan Pengurusan Knowledge Management System (KMS) dan Sistem Bank Data telah dianjurkan oleh Bahagian Korporat bertempat di dewan Auditorium JPS, Ampang dan telah disertai oleh seramai 20 orang peserta sebagai wakil Ahli Jawatankuasa KMS setiap bahagian di JPS Malaysia.

Mesyuarat Jawatankuasa KMS Bilangan 2 Tahun 2016 juga telah diadakan pada 14 November 2016 yang telah dipengerusikan oleh Puan Yuslina binti Mohd Sani, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Korporat. Mesyuarat ini bertujuan untuk mendapatkan rumusan dan kata sepakat daripada setiap bahagian bekenaan isu-isu pengurusan KMS dan persediaan untuk membangunkan Sistem Bank Data.

Selain itu, bengkel ini turut membincangkan perkara-perkara berkaitan teknikal dalam pembangunan sistem, membincangkan Term of Reference (TOR) baru bagi Knowledge Management System (KMS) yang akan menjadi rujukan warga JPS apabila Sistem Data Bank dibangunkan pada tahun 2017 kelak.



Mesyuarat *Programme Capacity Building: Certified Professional In Erosion and Sediment Control (CPESC)*

Oleh: Bahagian Saliran Mesra Alam

Bertempat di Hotel Corus Paradise, Port Dickson Negeri Sembilan, Bahagian Saliran Mesra Alam telah menganjurkan sebuah Mesyuarat *Programme Capacity Building : Certified Professional In Erosion And Sediment Control (CPESC)* pada 13 hingga 17 November 2016. Program ini di rasmiakan oleh YBhg. Dato' Ir. Ahmad Fuad bin Embi, Naib Presiden I, Malaysian Stormwater Organisation dan turut hadir YBrs.Dr. Ir. Ahmad Anuar Bin Othman, Timbalan Pengarah Bahagian Saliran Mesra Alam.

Mesyuarat yang dihadiri oleh 36 orang peserta ini diadakan untuk Pensijilan Professional Penilaian Teknikal Berkaitan Pengurusan Kelodak dan Lumpur Pembangunan Setempat sekali gus program ini dapat menaikkan tahap professionalisme CPESC.



Annual National Forum on Water Security

Anjuran MyCDNet dan Lawatan Tapak ke Kolam HORAS, Bestari Jaya

Oleh: Bahagian Korporat

Malaysian Capacity Development Network for Sustainable Water Management atau MyCDNet telah mengajukan Annual National Forum on Water Security yang bertemakan “*Water Security- Adaptation to Hazards Related to Climate Change*” pada 23-24 November 2016 bertempat di Auditorium NAHRIM, Seri Kembangan, Selangor. Forum ini telah disertai oleh seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada pihak perunding, pihak-pihak NGO dan agensi-agensi berkaitan seperti NAHRIM, JAS, NADMA, MET dan lain-lain.

Forum yang berlangsung selama 2 hari ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 23 November 2016. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia merupakan ahli kepada MyCDNet dan telah memberikan input di dalam forum ini berkenaan *Floods and Droughts in Water Security Perspective* yang telah dibentangkan oleh Ir. Mohd Zaharifudin bin Muhamad Ali, dari Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi.



Pada 24 November 2016 iaitu hari kedua forum, para peserta telah dibawa meninjau tapak pembinaan Kolam HORAS yang terletak di Bestari Jaya, Selangor. Taklimat berkenaan Kolam HORAS ini telah disampaikan oleh En. Nor Zamri bin Saador, Pemangku Pengarah LUAS.

Kolam HORAS atau *Hybrid Off River Augmentation Storage* (HORAS) merupakan kolam takungan yang berfungsi sebagai sumber alternatif bagi bekalan air ketika musim kemarau di Negeri Selangor dan operasinya ditadbir urus oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Kolam HORAS ini juga berfungsi untuk mengurangkan kesan banjir dan limpahan air di kawasan Bestari Jaya.

Kolam HORAS pertama yang telah dibina adalah HORAS 600 yang mana mampu untuk menampung bekalan air sebanyak 600 juta liter sehari (600MLD). Kolam HORAS kedua yang dalam perancangan pembinaan adalah Kolam HORAS 3000 yang mana mampu untuk menampung 3000 juta liter air sehari (3000MLD).



Sesi latihan Pengurusan Knowledge Management System (KMS) dan Sistem Bank Data

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 14 hingga 15 November 2016, satu bengkel Latihan Pengurusan Knowledge Management System (KMS) dan Sistem Bank Data telah dianjurkan oleh Bahagian Korporat bertempat di dewan Auditorium JPS, Ampang dan telah disertai oleh seramai 20 orang peserta sebagai wakil Ahli Jawatankuasa KMS setiap bahagian di JPS Malaysia.

Mesyuarat Jawatankuasa KMS Bilangan 2 Tahun 2016 juga telah diadakan pada 14 November 2016 yang telah dipengerusikan oleh Puan Yuslina binti Mohd Sani, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Korporat. Mesyuarat ini bertujuan untuk mendapatkan rumusan dan kata sepakat daripada setiap bahagian bekenaan isu-isu pengurusan KMS dan persediaan untuk membangunkan Sistem Bank Data.

Selain itu, bengkel ini turut membincangkan perkara-perkara berkaitan teknikal dalam pembangunan sistem, membincangkan Term of Reference (TOR) baru bagi Knowledge Management System (KMS) yang akan menjadi rujukan warga JPS apabila Sistem Data Bank dibangunkan pada tahun 2017 kelak.



Majlis Perasmian Forum "Malaysia Water Resources"

Oleh: Bahagian Korporat

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dengan kerjasama Malaysian Water Partnership (MyWP) telah menganjurkan satu Forum Malaysia Water Resources Management (MyWRM) tahun 2016 pada 29 hingga 30 November 2016 bertempat di Auditorium JPS Malaysia, Cawangan Ampang, Kuala Lumpur. Forum ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Objektif utama Forum MyWRM ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan penyebaran maklumat yang lebih berkesan dan jelas terhadap prinsip atau dasar pengurusan sumber air negara yang manpan (Sustainable Management Of The Country's Water Resources).




SUDUT MAKLUMAT

Apa itu Rizab Sungai?

Rizab sungai adalah merupakan suatu jalur tanah yang bersebelahan kedua-dua tebing sungai yang diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

Fungsi rizab sungai:


- Sebagai dataran banjir
- Keperluan pembangunan dan penyelenggaraan
- Zon penimbal (zon hijau) bagi pembiakan flora dan fauna terutamanya hidupan akuatik



Penetapan Rizab Sungai

Saluran sungai dan pelbagai saluran semulajadi atau sediaada hendaklah diperuntukkan rizab sepetimana berikut:

Kelebaran laluan antara tebing:	Keperluan lebar Rizab dari tebing
> 40 meter	50 meter
20- 40 meter	40 meter
10-20 meter	20 meter
5-10 meter	10 meter
<5 meter	5 meter



TAHUKAH ANDA,
APAKAH ITU
PROJEK RAMALAN
& AMARAN
BANJIR ATAU
PRAB?

JABATAN PENGAIERAN DAN SALIRAN, MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

FAEDAH PRAB

1. Mengurangkan kerugian harta benda awam sehingga **30% Setahun**

2. Memberi tempoh masa yang mencukupi untuk perhadak dan agensi bertanggungjawab bertindak awal.

3. Meningkatkan keyakinan penduduk terhadapnya manfaat banjir terhadap sistem penyampaian kerajaan yang berkesan.

4. Membolehkan agensi bertanggungjawab menyusun strategi logistik dan pemindahan penduduk dengan lebih cekap dan teratur.

JPAM / APBN / PDRM / Bomba



SIDANG RIDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Ir. Haji Zulkefli bin Hassan

PENYELARAS

YBhg. Dato' Ir. Haji Nor Hisham bin Mohd Ghazali

KETUA EDITOR

Dato' Ir. Haji Mohd Azmi bin Haji Ismail

EDITOR

Yuslina Binti Mohd Sani

PENOLONG EDITOR

Nor Hafizah binti Mohd Suhadis

Suriani binti Hassin

Muhammad Hafiz bin Khairon

Noor Asmihan binti Abd Wahab

SUMBANGAN BERITA OLEH

Bahagian Korporat

Bahagian Pembangunan Modal Insan

Bahagian Pembangunan Sumber Air dan Hidrologi

Bahagian Saliran Mesra Alam

Bahagian Audit Prestasi

DITERBITKAN DAN DIREKAGRAFIK OLEH**Bahagian Korporat**

Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia

Jalan Sultan Salahuddin

50626 Kuala Lumpur

Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui :

Email : suranihassim@water.gov.my

No. Tel : 03-2616 1449

Email : asmihan@water.gov.my

No Tel : 03-2616 1461



like us on
facebook

